

**SOALAN LAZIM**  
**Pemberian Awal Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) -**  
**(Ceraian PP.1.3.4)**

<b>Bil.</b>	<b>Soalan</b>	<b>Jawapan</b>
<b>Soalan Asas</b>		
1.	Apakah award wang tunai GCR?	Award wang tunai GCR adalah wang tunai yang diberi kepada Anggota Perkhidmatan Awam yang tidak berpeluang menghabiskan cuti rehat disebabkan kepentingan perkhidmatan apabila bersara kelak.
2.	Apakah yang dimaksudkan pemberian awal award wang tunai GCR?	Pemberian awal award wang tunai GCR adalah inisiatif yang membenarkan seseorang pegawai menebus jumlah GCR yang telah dikumpulkan kepada wang tunai semasa dalam perkhidmatan, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.
3.	Bagaimanakah pengiraan pemberian awal award wang tunai GCR ini dilaksanakan?	1/30 x (gaji hakiki + *imbuhan tetap) x 90 hari  <i>*Nota:</i> (a) Imbuhan Tetap Jawatan Utama (b) Imbuhan Tetap Keraian (c) Imbuhan Tetap Khidmat Awam (d) Imbuhan Tetap Perumahan
4.	Apakah syarat-syarat kelayakan pemberian awal award wang tunai GCR?	Syarat-syarat yang perlu dipatuhi sebelum memohon pemberian awal award wang tunai 90 hari ialah: (a) tempoh perkhidmatan yang boleh dimasuk kira hendaklah tidak kurang daripada 15 tahun,

<b>Bil.</b>	<b>Soalan</b>	<b>Jawapan</b>
		<p>tertakluk kepada Peraturan 5, 6 dan 7, Peraturan-Peraturan Pencen 1980;</p> <p>(b) telah mencapai umur 45 tahun, sebagaimana yang diperuntukkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2002: Dokumen Tarikh Lahir Pegawai Awam;</p> <p>(c) jumlah cuti rehat yang terkumpul sebelum penebusan hendaklah sekurang-kurangnya 90 hari;</p> <p>(d) bebas daripada sebarang prosiding jenayah atau tindakan tatatertib;</p> <p>(e) mendapat perakuan daripada Ketua Jabatan; dan</p> <p>(f) pemberian awal award wang tunai GCR hanya boleh dibuat SEKALI sahaja sepanjang perkhidmatan.</p>
5.	Adakah saya dibenarkan untuk membuat permohonan semula sekiranya permohonan terdahulu tidak diluluskan atau ditolak?	<b>Ya.</b> Sekiranya telah memenuhi syarat di atas.
6.	Adakah saya dibenarkan untuk membuat permohonan baharu sekiranya permohonan GCR 80 hari telah diluluskan?	<b>Tidak.</b> Pemberian awal award wang tunai GCR hanya boleh dibuat <b>SEKALI</b> sahaja sepanjang perkhidmatan.

<b>Bil.</b>	<b>Soalan</b>	<b>Jawapan</b>
7.	Adakah saya dibenarkan membuat permohonan pemberian awal award wang tunai lebih/ kurang daripada 90 hari?	<b>Tidak.</b> Jumlah pemberian awal award GCR ditetapkan sebanyak 90 hari sahaja.
8.	Adakah saya akan dibayar jumlah GCR sebanyak 180 hari apabila bersara walaupun telah mendapat kelulusan pemberian awal award wang tunai GCR sebanyak 90 hari?	<b>Tidak.</b> Pembayaran GCR apabila bersara kelak adalah berdasarkan kepada baki jumlah cuti rehat yang telah dikumpulkan, terhad kepada jumlah keseluruhan 180 hari sepetimana yang dinyatakan dalam Ceraian PP.1.3.1: Pemberian Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR).
9.	Bagaimanakah cara untuk memohon pemberian awal award wang tunai GCR?	Permohonan pemberian awal award wang tunai GCR perlu dibuat melalui Ketua Jabatan dan dikemukakan kepada Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).  Tatacara permohonan pemberian awal award wang tunai GCR dijelaskan melalui Ceraian PP.1.3.4: Pemberian Awal Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat.
10.	Adakah lebihan GCR masih boleh ditukar kepada cuti rehat pada tahun persaraan?	<b>Ya.</b> Tatacara permohonan kebenaran GCR digunakan sebagai cuti rehat pada tahun persaraan dijelaskan melalui Ceraian PP.1.3.3: Kebenaran Gantian Cuti Rehat Melebihi 180 Hari Digunakan Sebagai Cuti Rehat Pada Tahun Persaraan.

<b>Bil.</b>	<b>Soalan</b>	<b>Jawapan</b>
11.	Adakah jabatan boleh mengenakan/menetapkan syarat tambahan selain yang telah ditetapkan dalam PP.1.3.4?	<b>Ya</b> , tertakluk kepada pertimbangan Ketua Jabatan untuk mengenakan/menetapkan syarat tambahan.
12.	Adakah pegawai yang memilih Skim KWSP layak membuat penebusan awal award wang tunai GCR sekiranya syarat-syarat seperti yang ditetapkan telah dipenuhi?	<p><b>Ya.</b> Pegawai yang memilih Skim KWSP juga layak membuat penebusan awal award wang tunai GCR sekiranya syarat-syarat seperti yang ditetapkan telah dipenuhi.</p> <p>Nota: Pengiraan GCR bagi pegawai yang memilih Skim KWSP bermula 1 November 2004.</p>
<b>Tanggungjawab Ketua Jabatan</b>		
13.	Apakah peranan dan tanggungjawab Ketua Jabatan dalam urusan pemberian awal award wang tunai GCR?	<p>Ketua Jabatan hendaklah—</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) memastikan pengumpulan GCR yang dibuat sepanjang tempoh perkhidmatan adalah betul dan teratur sepetimana dikehendaki oleh ceraian yang sedang berkuatkuasa;</li> <li>(b) memastikan bukti pengumpulan GCR dicatat dan disahkan (tandatangan dan tarikh pengesahan) dalam buku kenyataan cuti pegawai sepanjang tahun perkhidmatan;</li> <li>(c) memastikan GCR yang dikumpulkan hendaklah sekurang-kurangnya 90 hari;</li> <li>(d) merekodkan kelulusan penebusan awal award wang</li> </ul>

<b>Bil.</b>	<b>Soalan</b>	<b>Jawapan</b>
		<p>tunai GCR dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK) pegawai seperti berikut:</p> <p><b>“Pegawai telah diluluskan permohonan pemberian awal award wang tunai GCR pada</b></p> <p>.....</p> <p><b>[nyatakan tarikh kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA)] berjumlah RM</b></p> <p>.....”;</p> <p>(e) menggunakan aplikasi Sistem Pengiraan GCR yang boleh dimuat turun di portal <a href="http://www.jpapencen.gov.my">www.jpapencen.gov.my</a> untuk tujuan pengiraan GCR yang tepat di akhir perkhidmatan; dan</p> <p>(f) mengemukakan permohonan pemberian awal bersekali dengan salinan BPK dan salinan Kenyataan Cuti yang disahkan kepada Bahagian Pencen, JPA.</p>
14.	Adakah kelulusan pemberian awal award wang tunai GCR oleh Bahagian Pencen, JPA akan terbatal sekiranya didapati pegawai tidak memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan/dikenakan prosiding jenayah atau tindakan tatatertib?	<p><b>Ya.</b> Pihak Kementerian/ Jabatan hendaklah memaklumkan kepada Bahagian Pencen, JPA sekiranya didapati pegawai tidak memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan/dikenakan prosiding jenayah atau tindakan tatatertib selepas mendapat kelulusan daripada Bahagian Pencen, JPA. Bahagian Pencen, JPA akan membatalkan kelulusan yang telah diberikan dan akan memaklumkan kepada Kementerian/</p>

<b>Bil.</b>	<b>Soalan</b>	<b>Jawapan</b>
		Jabatan berkenaan pembatalan kelulusan tersebut.
<b>Pengecualian Cukai bagi pemberian awal award wang tunai GCR</b>		
15.	Adakah pemberian awal award wang tunai GCR mendapat pengecualian cukai?	<p><b>Ya.</b> Kementerian Kewangan melalui surat rujukan MOF.TAX(S)700-1/3/14 JLD.3(SK.2)(10) bertarikh 13 September 2023 telah bersetuju meluluskan pengecualian cukai pendapatan ke atas pengeluaran awal pemberian awal award wang tunai GCR kepada Anggota Perkhidmatan Awam yang layak.</p> <p>Bagi penjawat awam yang telah membayar cukai pendapatan ke atas pengeluaran awal award wang tunai GCR yang diterima pada tahun 2022, permohonan bayaran balik cukai boleh dibuat secara terus kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDNM).</p> <p>Pengecualian ini turut dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk kepada penerimaan pakai surat edaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam berhubung pengeluaran awal award wang tunai GCR oleh pihak berkuasa masing-masing.</p>

<b>Bil.</b>	<b>Soalan</b>	<b>Jawapan</b>
<b>Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan</b>		
16.	Adakah kemudahan pemberian awal award wang tunai GCR ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan?	<p>Pelaksanaan pemberian awal award wang tunai GCR adalah tertakluk kepada penerimaan Ceraian PP.1.3.4 oleh Pihak Berkuasa masing-masing.</p> <p>Ketua Jabatan Pihak Berkuasa berkenaan yang menerima pakai Ceraian PP.1.3.4 hendaklah mempertimbangkan permohonan yang diterima dan membuat pembayaran pemberian awal award wang tunai GCR pegawai masing-masing.</p>
17.	Siapakah yang akan melaksanakan kelulusan dan pembayaran awal award wang tunai GCR bagi pegawai lantikan Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan?	Bagi pegawai lantikan Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan, kelulusan dan pembayaran awal award wang tunai ini akan dilaksanakan oleh Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan masing-masing.
18.	Siapakah yang akan melaksanakan kelulusan dan pembayaran awal award wang tunai GCR bagi pegawai lantikan Persekutuan yang ditempatkan ke Jabatan/ Agensi Negeri?	Bagi pegawai lantikan Persekutuan yang ditempatkan ke Jabatan/ Agensi Negeri, kelulusan akan diuruskan oleh Bahagian Pencen, JPA manakala pembayaran akan diuruskan oleh Jabatan/ Agensi Negeri dengan menggunakan peruntukan daripada Kementerian Kewangan Malaysia.